



SIARAN BERITA

MVIA MEMBANTAH PENGGUNAAN VAPE DI KALANGAN REMAJA DAN KANAK-KANAK

Peraturan perlu diperkenalkan untuk membendung penyalahgunaan

KUALA LUMPUR, 5 Mei 2020 – Malaysian Vape Industri Advocacy (MVIA) menyelar tindakan sepasang suami isteri yang telah memberikan anak mereka dipercayai berusia dua tahun, menggunakan vape baru-baru ini.

Rizani Zakaria, Presiden MVIA berkata, “MVIA dan industry vape membantah penggunaan vape di kalangan remaja dan juga kanak-kanak. Kerana hal seperti ini, kami memperjuangkan pengubalan undang-undang khusus berkaitan vape. Jika terdapat satu peraturan, tindakan terhadap mereka dapat diambil.”

“Pengguna vape juga perlu dididik berkaitan vape supaya mereka tidak menyalahgunakan produk ini.”

Tambahnya lagi, tindakan tidak bertanggungjawab yang dilakukan ibubapa kanak-kanak ini telah menyebabkan masyarakat memandang serong kepada penggunaan vape walhal hanya segelintir yang berkelakuan buruk dan menyalahgunakannya.

“Jika perkara seperti ini berterusan ia akan memberikan reputasi buruk kepada penggunaan vape yang akan melumpuhkan industri yang bernilai RM2.27 bilion ini.”

“Oleh itu, MVIA sekali lagi menggesa supaya kerajaan segera melaksanakan undang-undang khusus dan mengeluarkan peraturan berkaitan vape dan e-cecair agar perkara seperti ini dapat dibendung,” kata Rizani.

Video yang berdurasi 12 saat itu telah tular di media sosial dan mendapat reaksi negatif pelbagai pihak. Rakaman tersebut menunjukkan seorang kanak-kanak yang sedang menonton video di telefon bimbit diberikan vape sebanyak kali.

Mengenai Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)

MVIA ialah sebuah kumpulan kepentingan khusus yang tidak berlandaskan keuntungan dalam menyokong usahawan dan perniagaan vape Malaysia. Matlamatnya ialah untuk mewakili industri vape dengan menyampaikan suara industri kepada badan kerajaan, pihak berkuasa kawal selia, agensi penguatkuasaan dan pihak berkepentingan yang lain.